



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI PERPADUAN NEGARA**

---

Saya ingin menegaskan dengan tegas bahawa tindakan segelintir warga net khususnya individu bernama Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan Crime\_Man (nama di aplikasi TikTok) serta lain-lain yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan, dan mempersendakan agama serta sensitiviti berkaitan isu 3R (Race, Religion & Royalty) di platform media sosial adalah suatu perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat. Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program supaya dapat mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain.

Saya mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan mereka. Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita. Semua pihak harus mengelak dan berhenti serta merta daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjelaskan keharmonian negara.

Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak lagi mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini. Saya memohon agar pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas individu-individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan-kandungan yang tidak bertanggungjawab ini. Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

Bersama-sama, marilah kita berganding bahu untuk mengekalkan perpaduan negara yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara terutamanya Kesopanan dan Kesusilaan.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA  
5 MAC 2025**